

## Kabinet bincang isu kekurangan topeng mulut, hidung



PENIAGA jalanan menjual penutup mulut kepada orang awam bagi mencari pendapatan sampingan ketika tinjauan penularan wabak COVID-19 di Bukit Bintang, Kuala Lumpur. FOTO Aizuddin Saad

Baharom Bakar  
am@hmetro.com.my

ISU kekurangan bekalan topeng mulut dan hidung di pasaran seluruh negara akan dibincang pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid mengakui pembelian secara panik berikutan kebimbangan orang ramai kes penularan virus Covid-19 menjadi punca utama berlakunya kekurangan bekalan.

Katanya, siasatan dilakukan pegawai Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapat tiada aktiviti menyorok topeng mulut dan hidung bertujuan untuk menaikkan harga oleh pemborong serta peniaga barang berkenaan.

"Pegawai dan anggota KPDNHEP akan terus melakukan pemeriksaan serta pemantauan, di mana tindakan akan dilakukan jika mendapati ada peniaga yang menaikkan harga produk itu."

"Kerajaan sudah mengisyiharkan bahawa topeng berkenaan adalah barang kawalan dan tindakan menaikkan harga boleh dikenakan tindakan," katanya pada sidang media ketika mengadakan lawatan kerja di pejabat KPDNHEP negeri di Kuala Terengganu, hari ini.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP negeri, Saharuddin Mohd Kia.

Ketika mengulas larangan untuk mengimport produk itu, Rosol yang juga Ahli Parliment Hulu Terengganu berkata, kerajaan terpaksa berhati-hati untuk mendapatkan bekalan dari luar negara bagi mengelakkan penularan Covid-19.

Katanya, setakat ini kerajaan yakin dengan kemampuan pembekal topeng mulut dan hidung di negara ini, tetapi keputusan muktamad terutama menyelesaikan masalah kekurangannya akan dibincangkan pada mesyuarat kabinet, Rabu ini.

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 15 Mac 2020 @ 2:40 PM

